

29/07/1998

Jiran wajar hormati keputusan Malaysia

JOHOR BAHRU, Selasa - Johor berharap Singapura menghormati sepenuhnya keputusan Kerajaan Malaysia untuk tidak memindahkan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuanrantin (KIK) dari stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) Tanjong Pagar ke Woodlands.

Menteri Besarnya, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata hubungan sedia ada antara kedua-dua negara perlu dipelihara dan kemudahan perkhidmatan kereta api dari sini boleh terus dimanfaatkan sepenuhnya oleh rakyat kedua-dua negara.

"Kita menyokong penuh keputusan Kerajaan Pusat dan persefahaman yang lama termeterai antara kedua-dua negara," katanya selepas menerima cek zakat perniagaan dari Bank Rakyat, di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberitahu wartawan Malaysia di Namibia, kerajaan tidak akan memindahkan pusat pemeriksaan KIK dari Tanjong Pagar ke Woodlands.

Isu itu timbul Jun lalu apabila Singapura mengumumkan untuk memindahkan KIK republik itu dari Tanjong Pagar ke Woodlands pada 1 Ogos ini yang turut membabitkan pusat pemeriksaan KIK Malaysia.

Abdul Ghani berkata, keputusan Malaysia itu perlu dilihat dari sudut positif, lebih-lebih lagi Johor adalah negeri paling hampir dengan Singapura yang secara langsung mempunyai hubungan rapat dalam pelbagai hubungan termasuk perdagangan dan perkhidmatan.

Beliau berkata, kerajaan tidak mahu isu pemindahan pusat pemeriksaan KIK menjejaskan hubungan kedua-dua negara.

"Oleh itu, kewujudan pusat pemeriksaan KIK di Tanjong Pagar harus dimanfaatkan oleh pihak berkaitan.

"Perhubungan dua hala harus dipelihara secara berterusan terutama membabitkan Johor dan Singapura.

"Rakyat kedua-dua negara sudah lama menikmati perkhidmatan dan kemudahan sedia ada di sana (Tanjong Pagar)," katanya.

Menurut Abdul Ghani, persefahaman antara Johor dengan Singapura yang lama terjalin pasti diteruskan kerana kedua-duanya saling memerlukan antara satu sama lain.

Di KUALA LUMPUR, Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) kesal dengan tindakan akhbar Singapura yang tidak langsung prihatin sensitiviti rakyat Malaysia dengan membangkitkan pelbagai isu sejak kebelakangan ini.

Setiausaha Agungnya, Mohd Yusoff Abdul Hamid, berkata akhbar di Singapura sepatutnya sedar sebagai jiran yang terdekat, setiap perkara yang hendak dikeluarkan perlu dilakukan dengan berhati-hati supaya tidak menyentuh dan menyakiti negara jiran.

"Dalam kelembapan ekonomi, seharusnya Singapura dan Malaysia merapatkan kerjasama supaya dapat menangani kegawatan ini dan bukan menimbulkan pelbagai sentimen yang menjejaskan perasaan negara jiran," katanya sambil menyatakan sokongan padu MAYC terhadap saranan Perdana Menteri itu.

Katanya, jika Singapura terus mengeluarkan kenyataan yang boleh menyinggung perasaan Malaysia, MAYC mendesak kerajaan mengambil tindakan tegas.

(END)